

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(II)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

4. Apakah status terkini bagi semua penternak khinzir melaksanakan "Closed House System"?
  - (a) Adakah centralized biogas system yang dirancangkan di Perkampungan Valdor masih wujud?
  - (b) Bagaimanakah penternak khinzir di luar Perkampungan Valdor untuk memastikan sisa pembuangan tidak dibuang terus kedalam parit, terutamanya di Perkampungan Jawi?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Enakmen Penternakan Babi Negeri Pulau Pinang telah diluluskan pada 24 November 2016 dan telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2020. Kerajaan Negeri telah meluluskan penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Perlesenan Penternakan Babi (Pulau Pinang) 2020 pada 1 Mac 2020. Penternak babi perlu memohon lesen penternakan kepada JPVPP dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh peraturan ini dikuatkuasakan. Tindakan kompaun akan diambil ke atas penternak yang tidak mematuhi mana mana seksyen di dalam Enakmen Penternakan Babi 2016 dan Peraturan Peraturan Pelesenan Penternakan (Negeri Pulau Pinang) Babi 2020. Kompaun yang akan dikenakan adalah sehingga RM15,000.00 (kompaun 50% daripada RM30,000 adalah diperingkat Pengarah Veterinar). Sekiranya sampai ke peringkat mahkamah, denda yang dikenakan adalah RM30,000 dan/atau dua

(2) tahun penjara. Bagi mengurangkan bebanan kos kepada penternak babi di negeri ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan pengecualian permohonan kebenaran merancang kepada penternak babi sedia ada untuk menaik taraf fasiliti kepada konsep ladang tertutup sehingga 31 Mei 2020. Pengecualian permohonan kebenaran merancang tersebut diberikan kelulusan bersyarat dan penternak babi perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Sehingga 31 Mac 2020, sebanyak 156 buah terlibat dalam proses pemutihan ladang ternakan babi. Daripada jumlah tersebut, 112 buah kadang telah membuat permohonan pengecualian kebenaran merancang. 111 buah ladang telah diluluskan secara bersyarat. Sebanyak 44 buah ladang lagi belum mengemukakan permohonan.

- (a) Cadangan Projek Stesen Janakuasa 1 Megawatt Elektrik Berasaskan Biogas dan Biomas Sisa Ternakan di Kampung Valdor, Seberang Perai Selatan (SPS), Pulau Pinang masih wujud dan akan dilaksanakan oleh Syarikat Timeless Green Sdn. Bhd.

Berdasarkan perancangan asal, stesen janakuasa tersebut dijadualkan beroperasi pada April 2019. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek ini terpaksa ditangguhkan bagi memenuhi kehendak tambahan kepada Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) sedia ada yang disyaratkan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) berhubung isu pelepasan air kumbahan dari loji serta tambahan komponen Laporan Impak Sosial (SIA) yang perlu disertakan dalam laporan keseluruhan EIA.

Pelaksana projek telah membentangkan laporan keseluruhan EIA sebagaimana yang disyaratkan kepada JAS dan jabatan-jabatan teknikal berkaitan pada 31 Disember 2019. Susulan pembentangan tersebut, pelaksana projek telah diminta untuk membuat beberapa pindaan tambahan kepada laporan EIA yang dibentangkan berdasarkan ulasan daripada setiap jabatan teknikal berkaitan. Pelaksana projek telah mengemukakan laporan EIA berserta pindaan sewajarnya kepada ibu pejabat JAS untuk semakan pada 7 Februari 2020. Pihak JAS memaklumkan bahawa pertimbangan bagi

kelulusan EIA hanya akan dikemukakan setelah tamat tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan susulan penularan wabak COVID-19.

- (b) Merujuk kepada Enakmen Penternakan Babi 2016, semua ladang penternakan babi di Pulau Pinang perlu mematuhi sistem penternakan babi moden yang merangkumi empat (4) kriteria iaitu menaiktaraf sistem kandang tertutup, zon penampang 200 meter, sistem kumbahan sifar dan amalan penternakan yang baik.

Usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk memastikan sisa pembuangan tidak dibuang terus ke dalam parit di semua kawasan penternakan babi termasuk di Perkampungan Jawi adalah seperti berikut:

- (i) Mewajibkan para penternak mengamalkan Amalan Perladangan Yang Baik (GAHP) dan menukar guna/menaik taraf ke konsep ladang tertutup;
- (ii) Menggalakkan penggunaan *Useful Microbes* bagi ternakan babi;
- (iii) Melakukan pemeriksaan dan pemantauan secara rutin di ladang babi serta melaksanakan operasi secara mengejut; dan
- (iv) Mengadakan usahasama antara agensi Kerajaan bagi menangani isu pencemaran mengikut bidang kuasa masing-masing.

Walaubagaimanapun, bagi tujuan menaiktaraf kepada sistem kandang tertutup selari dengan Seksyen 54 Enakmen Penternakan Babi 2016, semua penternak / pengusaha sedia ada masih diberi peluang untuk menaiktaraf sistem penternakan kepada sistem kandang tertutup mereka sehingga 31 Disember 2021. Bermula 1 Januari 2022, tindakan penguatkuasaan seperti penutupan ladang babi atau perobohan ladang akan diambil selaras dengan Seksyen 34 dan 42 Enakmen Penternakan Babi 2016.